

NO. SOALAN: 179

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB  
LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN  
NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10101**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kejadian membunuh diri di kalangan remaja, orang dewasa dan kakitangan penjawat awam termasuk polis dan tentera selama lima tahun yang lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bunuh diri bagi tahun 2011 hingga 2016 adalah seperti berikut:

1	JOHOR	64	50	62	69	68	83
2	KEDAH	17	28	38	31	45	18
3	KELANTAN	8	10	13	11	11	11
4	K/LUMPUR	21	17	19	18	30	43
5	MELAKA	11	11	13	11	11	13
6	N/SEMBILAN	16	29	28	32	21	17
7	PAHANG	17	30	33	21	20	18
8	PERAK	66	92	65	69	58	47
9	PERLIS	2	3	3	3	2	0
10	P/PINANG	18	25	39	41	35	30
11	SABAH	3	14	17	20	25	63
12	SARAWAK	8	20	26	30	21	27
13	SELANGOR	101	76	94	81	76	109
14	TERENGGANU	7	7	6	5	5	11

**SOALAN ( 180 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN :**

**YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan dan kejayaan **ECER** dalam melaksanakan program-program pembangunan yang dimainkan oleh agensi yang ditubuhkan ini sehingga tahun 2016.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan Wilayah Pantai Timur melalui projek dan program yang dilaksanakan secara berdaya maju, seimbang dan mampan. Sehingga 2016, 127 projek dan program pembangunan telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-9, RMKe-10 dan RMKe-11 untuk dilaksanakan di ECER oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang merangkumi kluster ekonomi pelancongan, pembuatan, perniagaan tani dan pembangunan modal insan serta pembinaan infrastruktur strategik.

Pelaksanaan projek-projek tersebut telah memberi impak positif terhadap pembangunan sosioekonomi di ECER dari segi aspek ekonomi berteraskan modal (*capital economy*) dan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*). Jumlah pelaburan swasta yang diterima di ECER sejak tahun 2007 sehingga akhir 2016 adalah sebanyak RM101 bilion

dan pelaburan ini dijangka akan menjana 102,285 peluang pekerjaan untuk rakyat di Wilayah Pantai Timur.

Di samping itu, program-program pembangunan modal insan ECER juga telah memberi manfaat kepada lebih 62,000 rakyat di ECER dimana 97% daripada peserta program adalah daripada golongan B40. Program-program seperti *Entrepreneur ECER*, *Empower ECER* dan Agropolitan telah berjaya melahirkan 23,000 usahawan-usahawan mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Aktiviti usahawan-usahawan ini juga telah berjaya mewujudkan sejumlah 28,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih

7 Ogos 2017

## SOALAN ( 181 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[PASIR PUTEH]

**SOALAN :-**

**YB. Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah bilangan rumah-rumah PAKR yang telah siap dibina di sekitar Parlimen Pasir Puteh. Apakah masalah yang dihadapi oleh Kerajaan untuk menyediakan dan menyenggara rumah-rumah ini.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah-rumah Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) adalah di bawah pelaksanaan dan pemantauan Kerajaan Negeri. KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) hanya menguruskan Program Perumahan Rakyat (PPR) sama ada disewa atau dimiliki. Bagi Negeri Kelantan, PPR yang telah siap, sedang dibina dan dalam perancangan adalah seperti berikut:

i. PPR yang telah siap

Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kos Projek	Jenis Pembangunan
PPR Gua Musang	1 Julai 2011	30 Jun 2014	RM 150.0 juta	1000 unit rumah pangsa
<b>JUMLAH</b>			<b>RM150.0 juta</b>	<b>1000 unit</b>

## ii. PPR yang sedang dibina

Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kos Projek	Jenis Pembangunan
PPR Machang	21 Nov 2016	20 Nov 2019	RM75.0 juta	418 unit rumah pangsa 5 tingkat
PPR Gual Ipoh, Tanah Merah	12 Dis 2016	11 Dis 2019	RM69.74 juta	400 unit rumah kluster satu tingkat
PPR PPR Ayer Lanas, Jeli	17 Jun 2015	16 Dis 2017	RM26.0 juta	150 unit rumah teres satu tingkat
PPR Batang Merbau, Tanah Merah	Ogos 2015	Februari 2018	RM26.0 juta	150 unit rumah teres satu tingkat
PPR Kota Bahru	3 Jun 2014	2 Sept 2017	RM188.624 juta	1000 unit rumah Pangsa
<b>JUMLAH</b>			<b>RM 310.364 juta</b>	<b>2,118 unit</b>

## iii. PPR yang sedang dalam Perancangan

Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kos Projek	Jenis Pembangunan
PPR Ketereh, Kelantan	Peringkat perancangan	-	RM34.344 juta	200 unit rumah teres 1 tingkat
PPR Pasir Mas	Peringkat perancangan	-	RM52.7 juta	300 Unit rumah teres
<b>JUMLAH</b>			<b>RM87.044 juta</b>	<b>500 unit</b>



KPKT bersedia untuk menyediakan lebih banyak PPR yang bukan sahaja di Negeri Kelantan tetapi juga di seluruh Malaysia. Walaubagaimanapun pembangunan PPR adalah bergantung kepada kadar peruntukan semasa kerajaan sebagaimana yang diluluskan oleh pihak EPU.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**SOALAN ( 182 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN :**

**YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan dan kejayaan ECER dalam melaksanakan program-program pembangunan yang dimainkan oleh agensi yang ditubuhkan ini sehingga tahun 2016.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan Wilayah Pantai Timur melalui projek dan program yang dilaksanakan secara berdaya maju, seimbang dan mampan. Sehingga 2016, 127 projek dan program pembangunan telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-9, RMKe-10 dan RMKe-11 untuk dilaksanakan di ECER oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang merangkumi kluster ekonomi pelancongan, pembuatan, perniagaan tani dan pembangunan modal insan serta pembinaan infrastruktur strategik.

Pelaksanaan projek-projek tersebut telah memberi impak positif terhadap pembangunan sosioekonomi di ECER dari segi aspek ekonomi berteraskan modal (*capital economy*) dan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*). Jumlah pelaburan swasta yang diterima di ECER sejak tahun 2007 sehingga akhir 2016 adalah sebanyak RM101 bilion

dan pelaburan ini dijangka akan menjana 102,285 peluang pekerjaan untuk rakyat di Wilayah Pantai Timur.

Di samping itu, program-program pembangunan modal insan ECER juga telah memberi manfaat kepada lebih 62,000 rakyat di ECER dimana 97% daripada peserta program adalah daripada golongan B40. Program-program seperti *Entrepreneur ECER*, *Empower ECER* dan Agropolitan telah berjaya melahirkan 23,000 usahawan-usahawan mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Aktiviti usahawan-usahawan ini juga telah berjaya mewujudkan sejumlah 28,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih

7 Ogos 2017